



UNIK: Kamarulzaman menunjukkan novel pada pelancarannya, kelmarin.

Long Road to Merdeka dilancar

KUALA LUMPUR: Novel Long Road to Merdeka yang berkisar mengenai perjalanan hidup dua sahabat berlainan bangsa sejak zaman penjajahan Jepun hingga negara mencapai kemerdekaan pada 1957, dilancarkan di sini, kelmarin.

Buku yang ditulis bekas Setiausaha Syarikat Danaharta, Kamarulzaman Ariff itu adalah sebagai sokongan dan sumbangan kepada sambutan Hari Kemerdekaan negara ke-49, 31 Ogos ini.

Kamarulzaman berkata, walaupun buku ini berbentuk fiksi, latar belakang dan fakta sejarah adalah menerusi kajian yang dilakukannya selama dua tahun.

"Pada masa sama, saya ingin mema-

“Menerusi buku ini saya berharap pembaca dapat mengimbuai kesukaran dan kepayahan generasi pada zaman kemerdekaan kita dulu”

Kamarulzaman Ariff
Penulis novel

parkan keharmonian bangsa di Malaysia yang menjadi keunikan kita selama ini," katanya ketika ditemui pada majlis pelancaran buku pertamanya itu di sini, kelmarin.

Majlis Pelancaran itu disempurnakan oleh Ketua Eksekutif Kumpulan Symphony House, Datuk Azman Yahya. Pada majlis pelancaran itu juga, tiga naskah buku didermakan kepada Perpustakaan Negara.

Buku Long Road to Merdeka mengisahkan persahabatan pemuda Melayu, Omar dan gadis India, Ananti di Kampung Serai, Ulu Langat, yang terbabit dalam aktiviti kampung bagi memupuk perpaduan antara kaum pada penghujung pemerintahan Jepun.

BH - 16/8/2006

PERCERAHAN
BERSHAKSIP
INDATON
AN
LIMPINAN
PERDANA